

20 NOV 1997

HISHAMMUDDIN MENGENAI KENYATAAN MALLOTT

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Timbalan Menteri Perusahaan Utama Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini mengulas bahawa ulasan baru-baru ini yang dibuat oleh Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, John Mallott, mengenai perhubungan AS-Malaysia, adalah langkah ke hadapan yang positif.

Mallott telah menyeru Washington dan Kuala Lumpur menghentikan ketegangan sekarang yang boleh menjejaskan perhubungan dua hala di antara kedua-dua negara.

Ini berikutan langkah oleh 34 ahli Kongres Amerika yang menuntut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya "memohon maaf atau meletak jawatan" terhadap ulasan beliau yang didakwa bahawa krisis mata wang di Asia Tenggara adalah disebabkan pakatan orang Yahudi.

Hishammuddin, yang juga naib ketua Pemuda UMNO, berkata, "Saya rasa kenyataan (oleh Mallott) adalah amat bertanggung jawab... beliau bersikap berani membuat kenyataan itu dan saya percaya kenyataan itu dibuat berasaskan kepada pengalaman dan pengetahuannya mengenai Malaysia dan kefahaman dan pengalamannya berkaitan dengan perdana menteri kita."

"Saya juga percaya kenyataan beliau adalah kesedarannya bahawa perdana menteri kita adalah seorang pemimpin Islam yang paling toleran, liberal dan progresif di dunia," Hishammuddin memberitahu persidangan akhbar selepas upacara taja jamin Habib Corp di sini. -- BERNAMA

MK OS